

BULETIN KHAS

SEMPENA



إتتو كمالوان اسلام مليسيا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

محمد ﷺ

# MAULIDUR RASUL

SAW 1445H - 2023M

مَوْلِدُ الرَّسُولِ ﷺ وَصَلَّى

## Kepimpinan Rasulullah SAW Asas Perpaduan Ummah



MALAYSIA  
MADANI

“PERPADUAN TERAS MALAYSIA MADANI”

# Selawat Maulidur Rasul

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَنْتَ شَمْسٌ أَنْتَ بَدْرٌ

كأوله ما تاهاري كأوله بولن

أَنْتَ نُورٌ فَوْقَ النُّورِ

كأوله چهاي مغتاسي چهاي

أَنْتَ أَكْسَبُذٌ وَعَالِي

كأوله رهسيا هيدوف موليا

أَنْتَ مِصْبَاحُ الصُّدُورِ

كأوله أوبور مپولوه جيو

يَا حَبِيبِي يَا مُحَمَّدُ

واهاي ككاسيهكو واهاي محمد

يَا عَرُوسَ الْخَافِقِينَ

واهاي فثنتين إنده ميكت

يَا مُؤَيَّدُ يَا مُمَجَّدُ

واهاي نبي واهاي بيغ دجولغ فوجا

يَا إِمَامَ الْقِبْلَتَيْنِ

واهاي إمام دوا قبله

مَنْ رَأَى وَجْهَكَ يَسْعَدُ

بهاكياله اورغ بيغ مندغ ووجهمو

يَا كَرِيمَ الْوَالِدِينَ

واهاي فغهلولو بركورونن موليا

حَوْضُكَ الصَّافِي الْمُبْدَى

كولم ايرمو سجوق جرينه

وَرَدْنَا يَوْمَ التُّشُورِ

تفتت كامي مينوم دهااري أخير

مَا رَأَيْنَا الْعَيْسَ حَنْتَ

تيدق فرنه ترليهت اوتنا برجانن

بِالسُّرَى الْإِلَائِكَ

سفتنجغ مالم مريندوكن توان

صَلَّى اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ

الله برصلوات (سموكن الله ممبريكن

بركت دان رحمة) كاتس محمد

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

الله برصلوات (سموكن الله ممبريكن بركت

دان رحمة) دان سلام كاتسن

يَا نَبِيَّ سَلَامٍ عَلَيْكَ

واهاي نبي سلام اتسمو

يَا رَسُولَ سَلَامٍ عَلَيْكَ

واهاي رسول سلام اتسمو

يَا حَبِيبُ سَلَامٍ عَلَيْكَ

واهاي ككاسيه سلام اتسمو

صَلَوَاتُ اللَّهِ عَلَيْكَ

الله برصلوات (سموكن الله ممبريكن بركت

دان رحمة) كاتسمو

أَشْرَقَ الْبَدْرُ عَلَيْنَا

بولن فورنام مپيزي كيت

فَأَخَفَّتْ مِنْهُ الْبُدُورُ

هيلغ لپف سكالادوكا

مِثْلَ حُسْنِكَ مَا رَأَيْنَا

اينده مناون تيدق فرنه دفتندغ

قَطُّ يَا وَجْهَ السُّرُورِ

واجه كئبيرا سفتنجغ حياة

وَالْغَنَامَةُ قَدْ أَظَلَّتْ

اغكاودفايوغني اون فونيه

وَالْمَلَائِكَةُ صَلُّوا عَلَيْكَ

داه بيريجي دعاء فارا ملائكة

عَالَمِ النَّسْرِ وَأَخْفَى

الله مغتاهوغي رهسيا ترسيرت

مُسْتَجِيبُ الدَّعَوَاتِ

دي ممفركن سكالادعاه

رَبِّ أَرْحَمَنَا جَمِيعًا

واهاي توهن رحمتيله كامي

يَجْمَعُ الصَّالِحَاتِ

دغن سكالاعمن صالح

وَصَلَاةُ اللَّهِ عَلَى أَحْمَدَ

الله برصلوات كاتس محمد

عَدَدَ تَحْرِيرِ السُّطُورِ

سبابق باريس كرتس دنوليس

أَحْمَدُ الْهَادِي مُحَمَّدُ

سبابق - باعيق فوجيان بيغ مباوا

صَاحِبُ الْوَجْهِ الْمُنِيرِ

بيغ ممقوياي وجه برسري مناون

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيْهِ

يا الله صلوات دان سلام سرتا بركييله كاتسن

# KANDUNGAN

## BULETIN KHAS MAULIDUR RASUL SAW 1445H - 2023M

Kepimpinan Rasulullah SAW Asas Perpaduan Ummah	4
Kenali Kekasih Allah	6
Salasilah Junjungan Nabi SAW (Ke Atas)	7
Kenali Isteri-Isteri Rasulullah	8
Kasih Abu Bakar As-Siddiq Pada Nabi SAW	10
Salasilah Junjungan Nabi SAW (Ke Bawah)	12
Strategi Dakwah Nabi SAW	13
Kelebihan Berselawat	14
Mukjizat-Mukjizat Nabi SAW	16
Strategi Rasulullah dalam Membangunkan Ekonomi Ummah	18
Komunikasi Gaya Rasulullah SAW	22

## SIDANG REDAKSI:



**PENAUNG:**

Datuk Hajah Hakimah Binti Mohd Yusoff  
(Ketua Pengarah JAKIM)



**PENASIHAT:**

Tuan Haji Ruslan Bin Said  
(Timbalan Ketua Pengarah (Operasi JAKIM))



**KETUA PENGARANG:**

Azman Bin Mat Hassan  
(Pengarah Bahagian Penerbitan, JAKIM)



**PENGARANG:**

Khairul Azman bin Azizan



**PENOLONG PENGARANG:**

Nur Madihah Binti Rakes Junaidi



**PENYUNTING:**

Mohamad Zahir Bin Abdul Halim



**PENGURUS EDARAN:**

Nurul Widyamirza Binti Sujan@Jan



**PEMBANTU EDARAN:**

Husna Salsabila Binti Mohd Al'Ikhsan

**REKABENTUK:**

Percetakan Norfatimah Sdn.Bhd

# Kepimpinan Rasulullah SAW Asas Perpaduan Ummah

Anotasi  
Pengarang



**Khairul Azman bin Azizan**  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Penerbitan, JAKIM

Sambutan Maulidur Rasul yang diraikan pada setiap 12 Rabiulawal tahun Hijrah merupakan agenda tahunan di negara ini untuk menzahirkan kecintaan dan kerinduan kita terhadap junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Di Malaysia, Sambutan Maulidur Rasul yang disambut di peringkat persekutuan dan negeri dipenuhi dengan pelbagai program antaranya perarakan, forum perdana dan penyampaian anugerah kepada tokoh-tokoh terpilih mengikut kategori tertentu. Tema sambutan Maulidur Rasul bagi tahun 2023 adalah "Perpaduan Teras Malaysia Madani".

Perpaduan merupakan teras utama dalam menjamin kestabilan negara dan kesejahteraan ummah. Oleh itu, perpaduan antara pelbagai kaum amat penting dalam mengekalkan keharmonian masyarakat dalam usaha mencapai pembangunan negara yang mapan. Islam amat menyarankan perpaduan sepertimana yang ditegaskan oleh firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

**Maksudnya:** "Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang Islam yang bersaudara. dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangannya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya."

Ummah yang bersatu padu sudah pasti dapat menghasilkan kejayaan yang dihasratkan dan memperolehi rahmat Ilahi. Firman Allah SWT di dalam surah at-Taubah ayat 71:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

**Maksudnya:** "Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat baik, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."

Kejayaan sesebuah negara dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi juga sangat bergantung kepada perpaduan dan keharmonian masyarakat di bawah pemerintahan yang adil dan saksama.

Pencapaian keharmonian masyarakat dan pembangunan yang seimbang dari aspek fizikal dan spiritual memerlukan satu model pengurusan kepimpinan terbaik untuk diikuti dan dipraktikkan di Malaysia secara khususnya.

Model kepimpinan Rasulullah SAW adalah contoh yang terbaik untuk diaplikasikan dalam pemerintahan negara. Islam adalah ad-Din yang dibawa oleh Rasulullah SAW yang mementingkan perpaduan sesama manusia. Negara yang aman damai tanpa perbalahan sesama kaum merupakan satu nikmat yang paling bernilai bagi kesejahteraan ummah. Perpecahan dan perbalahan sesama manusia boleh menjadi penyebab utama kehancuran sesebuah negara. Oleh itu, Rasul diutuskan oleh Allah SWT di dunia ini untuk membina perpaduan dalam kalangan manusia dan membanteras sifat-sifat *mazmumah* yang boleh memecahbelahkan kesejahteraan masyarakat sejagat. Rasulullah SAW diutuskan oleh Allah SWT untuk menyampaikan rahmat ke seluruh alam. Pembentukan sebuah negara yang selaras dengan konsep *Baladun Tayyibah Warabbun Ghafur* memerlukan pemahaman yang lebih menyeluruh berkaitan konsep perpaduan. Hal ini kerana, soal perpaduan melibatkan pelbagai agama, bangsa, budaya serta kumpulan etnik. Sejarah Islam telah membuktikan Madinah berjaya dibentuk di bawah pimpinan Rasulullah SAW bertunjangan konsep ketauhidan dan ketaqwaan kepada Allah SWT.

Di antara langkah-langkah yang dijalankan oleh Baginda Rasulullah SAW dalam merealisasikan perpaduan ummah di Madinah ialah:

i) Pembinaan masjid

Masjid Nabawi merupakan institusi Islam terawal yang dibina oleh Rasulullah SAW selepas ketibaan Baginda di bumi Madinah. Antara peranan utama pembinaan masjid ini adalah sebagai sebuah tempat khusus perhimpunan semua umat Islam untuk beribadat, menjalankan musyawarah, pusat pengajian dan pentadbiran. Rasulullah SAW turut menjalankan usaha berdakwah dan menegakkan syiar Islam melalui institusi masjid.

ii) Piagam Madinah

Piagam Madinah merupakan perlembagaan bertulis yang pertama di dunia yang digubal oleh Baginda Rasulullah SAW pada tahun 622 Masihi bersamaan dengan tahun pertama Hijrah. Piagam ini mengandungi 47 fasal iaitu 23 fasal menyentuh tentang hubungan antara umat Islam sesama umat Islam manakala 24 fasal lagi membicarakan tentang hubungan antara umat Islam dengan umat bukan Islam. Piagam Madinah juga dikenali sebagai Perjanjian Madinah, Dustur al-Madinah dan Sahifah al-Madinah. Piagam Madinah ini merupakan satu bentuk perlembagaan yang mengandungi peraturan-peraturan berasaskan syariat Islam bagi membentuk sebuah negara yang berbilang agama, bangsa dan kaum.

iii) Mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar serta menyatukan suku Aus dan Khazraj

Rasulullah SAW berusaha mengikat tali persaudaraan Muhajirin dan Ansar bagi mewujudkan persefahaman antara kedua-dua kaum tersebut berasaskan kesatuan akidah, iaitu keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Selain itu, Baginda juga berjaya meleraikan pertelingkahan antara puak Aus dan Khazraj melalui Perjanjian Aqabah I dan II.

Tuntasnya, perpaduan ummah merupakan instrumen penting dalam menjayakan hasrat pemerintah untuk mencapai pembangunan sesebuah negara yang seimbang dari aspek fizikal dan spiritual. Namun begitu, untuk mewujudkan perpaduan ummah dalam sesebuah negara yang berbilang agama dan bangsa memerlukan model kepimpinan hebat seperti Rasulullah SAW yang merupakan junjungan besar umat Islam yang perlu disanjung serta perjuangan Baginda untuk dihayati sepanjang masa.

# KENALI KEKASIH ALLAH




Nur Madihah Binti Rakes Junaidi  
Bahagian Penerbitan, JAKIM

<b>Nama</b>	: <b>Muhammad Bin Abdullah</b> Bin Abdul Muttalib Bin Hashim
<b>Tarikh Lahir</b>	: Hari Isnin pada waktu Subuh, 12 Rabiulawal bersamaan 20 April 571 Masihi (dikenali sebagai Tahun Gajah kerana peristiwa tentera bergajah Abrahah yang menyerang Kota Makkah)
<b>Tempat Lahir</b>	: Di rumah Abu Talib, Makkah Al-Mukarramah
<b>Nama Bapa</b>	: Abdullah Bin Abdul Muttalib Bin Hashim
<b>Nama Ibu</b>	: Aminah Binti Wahab Bin Abdul Manaf
<b>Pengasuh Pertama</b>	: Barakah Al-Habsyiyah (digelar Ummu Aiman, hamba perempuan bapa Rasulullah SAW)
<b>Ibu Susuan</b>	: Thuwaibah (hamba perempuan Abu Lahab) Halimah Binti Abu Zuaib As-Saadiah (lebih dikenali Halimah As-Saadiah, suaminya bernama Abu Kabsyah)
<b>Saudara Susuan</b>	: Dari Ibu Susuan (Thuwaibah) <ul style="list-style-type: none"><li>- Hamzah dan Abu Salamah Abdullah Bin Abdul Asad Dari Ibu Susuan (Halimah Al-Saidiyah)</li><li>- Abu Sufyan Bin Harith Bin Abdul Muttalib, Abdullah Bin Harith Bin Abdul 'Uzza,</li><li>- Syaima Binti Harith Bin Abdul 'Uzza, Aisyah Binti Harith Bin Abdul 'Uzza</li></ul>
<b>Pekerjaan</b>	: Pengembala Kambing Peniaga
<b>Wafat</b>	: Hari Isnin pada waktu pagi, 12 Rabiulawal tahun ke 11 Hijrah bersamaan 633 Masihi (pada umur 63 tahun)

# SALASILAH

## HANIF RASULULLAH SAW (KE ATAS)

Nasab Adnan berakhir  
pada Sayyidina Isma'il  
bin Ibrahim As



# KENALI ISTERI-ISTERI RASULLULLAH



**Nur Madihah Binti Rakes Junaidi**  
Bahagian Penerbitan, JAKIM

Isteri-isteri Nabi Muhammad SAW mempunyai kelebihan dan kedudukan tersendiri yang tidak ada pada wanita-wanita lain. Isteri Nabi ada sebelas kesemuanya. Mereka adalah:

## 1. Khadijah binti Khuwailid

- Merupakan isteri pertama Rasulullah yang berasal daripada keturunan Bani Hashim. Beliau berkahwin dengan Rasulullah ketika berumur 40 tahun manakala Rasulullah berumur 25 tahun pada waktu itu.

## 2. Saudah binti Zam'ah

- Beliau dikhabarkan sebagai wanita yang tinggi dan bertubuh besar. Merupakan isteri kedua Rasulullah. Rasulullah mengahwini Saudah pada bulan Ramadan tahun kesepuluh selepas kenabian Baginda.

## 3. Aisyah binti Abu Bakar

- Beliau dilahirkan empat atau lima tahun selepas Nabi SAW diutuskan sebagai Rasul. Beliau merupakan satu-satunya anak dara yang dinikahi oleh Rasulullah. Wafat pada malam Selasa bersamaan dengan 17 Ramadan pada tahun ke-58 Hijrah. Sebahagian ulama berpendapat pada tahun ke-57 Hijrah.

## 4. Hafsa binti Umar

- Dilahirkan pada lima tahun sebelum kenabian. Di antara kelebihan Hafsa binti Umar ialah Rasulullah SAW sendiri yang meminangnya sebelum berkahwin. Selain itu, Hafsa juga adalah seorang yang banyak berpuasa dan mendirikan solat malam (Qiamullail). Beliau wafat pada bulan Jamadilawal tahun ke-41 Hijrah. Adapun pendapat lain yang menyatakan beliau meninggal dunia pada tahun ke-45 Hijrah.

## 5. Zainab binti Khuzaimah

- Beliau digelar sebagai Ummu al-Masakin (ibu bagi orang-orang miskin) pada zaman Jahiliyyah kerana sikap beliau yang suka memberi makan dan bersedekah kepada orang miskin. Rasulullah mengahwini beliau setelah suaminya meninggal dunia dalam peperangan Uhud. Akan tetapi, beliau hanya sempat hidup bersama Rasulullah sekitar dua bulan atau lebih sahaja sebelum meninggal dunia.

## 6. Ummu Salamah Hind binti Abu Umayyah Al-Makhzumiah

- Digelar sebagai Ummu Salamah kerana mempunyai anak yang bernama Salamah, hasil perkahwinannya bersama seorang sahabat iaitu Abdullah bin Abdul Asad yang syahid ketika memimpin satu peperangan. Beliau dinikahi Rasulullah selepas suaminya mati syahid dalam peperangan Badar. Merupakan seorang yang berfikiran matang, berperibadi tinggi dan pandai menulis. Beliau juga dikurniakan umur yang panjang dan meninggal dunia di Madinah.





# KENALI ISTERI-ISTERI RASULLULLAH

## 7. Zainab binti Jahsy

- Dilahirkan dalam kalangan keluarga terhormat. Rasulullah berkahwin dengan Zainab setelah Zainab diceraikan oleh suaminya, Zaid bin Harithah yang merupakan anak angkat kepada Rasulullah SAW. Hikmah daripada pernikahan ini adalah untuk membatalkan adat masyarakat Jahiliyyah yang menganggap isteri kepada anak angkat tidak boleh dinikahi walaupun telah bercerai.

## 8. Juwairiyah binti Al-Harith

- Nama asal beliau adalah Burah binti al-Harith. Beliau ditawan oleh umat Islam selepas berjaya di dalam peperangan Bani Mustaliq. Kemudian, beliau diserahkan kepada Thabit bin Qais sebagai sebahagian daripada rampasan perang. Thabit berjanji untuk memerdekakan beliau dan dengan bantuan Rasulullah, Juwairiyah berjaya dimerdekakan dan dikahwini oleh Rasulullah SAW. Akhirnya, beliau pun memeluk Islam.

## 9. Sofiyah binti Huyay

- Beliau adalah anak kepada ketua Yahudi dari Bani Nadhir, Huyay bin Akhtab. Beliau juga menjadi salah seorang tawanan di dalam penaklukan Kota Khaibar. Suaminya terbunuh dalam peristiwa penaklukan itu. Beliau kemudiannya diserahkan kepada Rasulullah dan dimerdekakan serta dikahwini oleh Baginda SAW.

## 10. Ummu Habibah Ramlah binti Abi Sufyan

- Merupakan puteri kepada Abi Sufyan dan isteri kepada Abdullah bin Jahsy. Beliau pernah berhijrah ke Habsyah bersama suaminya, namun suaminya terpengaruh dengan ajaran Kristian menyebabkan dia murtad dan meninggal dunia di dalam keadaan menganut agama Kristian. Selepas suaminya meninggal dunia, Rasulullah mengirimi Amru bin Umaiyyah Ad-Dhumari supaya melamar beliau untuk Rasulullah. Rentetan daripada itu, pemerintah Habsyah mengahwinkan Ummu Habibah bersama Rasulullah dengan mas kahwin sebanyak 400 dinar. Beliau wafat pada tahun ke-42 Hijrah ketika berusia lebih kurang 60 tahun.

## 11. Maimunah binti Al-Harith

- Nama sebenar beliau adalah Barrah, namun begitu Rasulullah menamakannya dengan Maimunah yang bermaksud "berita baik". Beliau merupakan seorang perempuan yang baik hati dan berasal dari puak Bani Hilal. Beliau dikahwini Rasulullah ketika beliau sedang melaksanakan ibadah umrah (tidak berihram). Beliau merupakan isteri terakhir Nabi Muhammad SAW dan wafat pada tahun ke-56 Hijrah.

# Kasih Abu Bakar As-Siddiq Pada Nabi SAW



**Dr. Mohd Izwan Md Yusof**  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Keluarga, Sosial Dan Komuniti, JAKIM

Menelusuri kisah seorang sahabat agung yang bernama Abu Bakar as-Siddiq, pastinya akan membuka minda kita sebagai umat Nabi Muhammad SAW, betapa hebatnya kasih seorang insan ini kepada Baginda. Abu Bakar as-Siddiq dilihat pendahulu dalam apa jua amal soleh yang dilakukan dalam kalangan sahabat RA ketika itu. Ia dibuktikan dengan hadis Nabi SAW seperti di bawah:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ أَصْبَحَ مِنْكُمْ الْيَوْمَ صَائِمًا قَالَ أَبُو بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَا قَالَ فَمَنْ تَبِعَ مِنْكُمْ الْيَوْمَ جَنَازَةً قَالَ أَبُو بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَا قَالَ فَمَنْ أَطْعَمَ مِنْكُمْ الْيَوْمَ مَسْكِينًا قَالَ أَبُو بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَا قَالَ فَمَنْ عَادَ مِنْكُمْ الْيَوْمَ مَرِيضًا قَالَ أَبُو بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا اجْتَمَعَنَ فِي أَمْرِي إِلَّا دَخَلَ الْجَنَّةَ.

**Maksudnya:** Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bertanya: Siapakah di antara kamu yang berpuasa hari ini? Abu Bakar menjawab: Saya. Baginda bertanya lagi: Siapa di antara kamu yang menghantar jenazah hari ini? Abu Bakar menjawab: Saya. Baginda bertanya lagi: Siapa yang memberi makan pada orang miskin hari ini? Abu Bakar menjawab: Saya. Baginda bertanya lagi: Siapa yang telah menjenguk orang sakit hari ini? Abu Bakar menjawab: Saya. Kemudian Rasulullah bersabda: Tiadalah amalan tersebut berkumpul pada diri seseorang kecuali dia akan masuk syurga" (HR Muslim No: 1707)

Beliau juga sebagai antara yang terawal menerima risalah Islam yang disampaikan oleh Baginda Nabi SAW. Selain itu, beliau juga dikenali sebagai hartawan yang menginfakkan hampir keseluruhan hartanya di jalan Allah SWT, demi dakwah Islam yang disampaikan oleh Baginda Nabi SAW. Ini dirakamkan oleh Dr Wahbah al-Zuhaili dalam kitab Tafsir al-Munir ketika mentafsirkan ayat 19-21, surah al-Lail,

الَّذِي يُؤْتِي مَالَهُ يَتَزَكَّى ( ١٨ ) وَمَا لِأَحَدٍ عِنْدَهُ مِنْ نِعْمَةٍ تُجْزَى ( ١٩ )  
إِلَّا ابْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِ الْأَعْلَى ( ٢٠ ) وَلَسَوْفَ يَرْضَى ( ٢١ )

**Maksudnya:** Yang mendermakan hartanya dengan tujuan membersihkan dirinya dan harta bendanya. Sedang ia tidak menanggung budi sesiapaupun, yang patut dibalas. Hanyalah mengharapkan keredhaan Tuhannya Yang Maha Tinggi. Dan demi sesungguhnya, dia akan tetap berpuas hati (pada Hari Akhirat, dengan mendapat segala yang diharapkannya).



“Yang dimaksudkan dalam ayat ini sebagaimana yang diutarakan semua pentafsir Al-Quran adalah Abu Bakar as-Siddiq. Dia tidak membelanjakan hartanya kerana dia telah terhutang budi lalu menebus (Bilal) sebagai membalas budi jasanya. Apa yang dikehendakinya ialah semata-mata mengharap keredhaan Allah dan pembalasan dariNya. Demi Allah, Abu Bakar pasti akan berpuas hati terhadap penghormatan dan pembalasan yang amat besar yang bakal Allah berikan di hari kiamat”.

Seterusnya, Abu Bakar jugalah yang membenarkan peristiwa Israk Mikraj yang dilalui oleh Rasulullah SAW di saat Baginda tidak dipercayai oleh kaum Quraisy ketika itu sehingga diberikan gelaran as-Siddiq iaitu yang benar lagi membenarkan.


Justeru, siapakah Abu Bakar as-Siddiq ini sehingga Nabi SAW menyebut tentang kemuliaan dan kelebihanannya? Abu Bakar as-Siddiq atau nama sebenarnya Abdullah ibnu Abi Quhafah at-Tamimy dan merupakan khalifah pertama umat Islam pada tahun 632-634 Hijrah setelah kewafatan Rasulullah SAW. Abu Bakar as-Siddiq merupakan bapa mertua Nabi SAW. Ini kerana anak perempuannya, Saidatina 'Aisyah RA berkahwin dengan Nabi SAW. Abu Bakar as-Siddiq juga dianggap sahabat yang paling akrab dengan Baginda. Pada ketika peristiwa hijrah Baginda Nabi SAW dari Makkah ke Yathrib, Abu Bakar as-Siddiq dipilih sebagai sahabat yang mengiringi Baginda.

Pada ketika inilah, terlihat betapa kasihnya Abu Bakar as-Siddiq kepada Baginda. Ketika berada di Gua Thur, setelah Nabi SAW tidur di atas pangkuan Abu Bakar as-Siddiq, ada binatang bisa yang menyengatnya. Ditahan kesakitan sengatan itu kerana tidak mahu Baginda Nabi SAW terjaga dari tidurnya. Akhirnya, air mata Abu Bakar as-Siddiq menitis ke wajah Baginda Nabi SAW. Baginda bertanya kepada Abu Bakar apakah yang berlaku dan beliau menjawab telah disengat. Baginda kemudian meludah ke tempat sengatan itu dan hilanglah kesakitan Abu Bakar. Kisah ini dirakamkan di dalam kitab Al-Rahiq Al-Maktum karangan Syeikh Sofiyurrahman al-Mubarakfuri.

Peristiwa ini disebut oleh para ulama sebagai lambang kecintaan tertinggi seorang umat kepada Rasulullah SAW. Sudah pasti, kita sebagai umat Islam yang berada di akhir zaman sedaya upaya ingin mencontohi sikap dan kasihnya Abu Bakar as-Siddiq kepada Baginda Nabi SAW. Abu Bakar as-Siddiq dianggap sebagai sahabat agung sehingga dikebumikan bersebelahan dengan makam Baginda Nabi SAW di Masjid Nabawi Madinah al-Munawwarah. Mudah-mudahan Allah SWT mengurniakan kepada kita rasa cinta dan kasih yang mendalam kepada Baginda Nabi SAW sebagaimana yang dimiliki oleh Abu Bakar as-Siddiq.

# SALASILAH

## HANIF RASULULLAH SAW (KE BAWAH)



# Strategi Dakwah Nabi SAW



**Norzaidan bin Haji Hamad**  
Penolong Pengarah Kanan  
Unit Komunikasi Korporat, JAKIM

Rasulullah SAW telah berdakwah selama dua puluh tiga tahun sehinggalah di Madinah. Hakikatnya dakwah yang dijalankan oleh Rasulullah SAW di Makkah telah berjaya mengubah pemikiran dan amalan masyarakat Arab daripada jahiliah kepada cara hidup Islam serta berjaya mengubah akhlak mereka dari akhlak mazmumah (keji) kepada akhlak mahmudah (mulia). Strategi dakwah Nabi Muhammad SAW adalah berbeza antara di Makkah dan Madinah. Rasulullah SAW telah merencanakan dua strategi yang signifikan dengan senario di Makkah dan Madinah.

Pada mulanya hanya Rasulullah SAW seorang yang berdakwah dan sasaran dakwahnya ialah hanya keluarga dan selepas itu para sahabat handai yang terdekat. Pengislaman bermula dengan isteri, anak angkat dan seterusnya para sahabat Baginda. Malahan, Rasulullah SAW terpaksa menyembunyikan dakwahnya pada pengetahuan kaum Musyrikin Quraisy yang sentiasa mengintai untuk menghancurkan Islam. Rasulullah SAW berasa selamat dengan cara yang sulit kerana bilangan umat Islam sangat sedikit dan lemah. Dakwah secara sulit ini berlangsung selama tiga tahun.

Nabi Muhammad SAW mengajak masyarakat Makkah untuk tidak menyembah berhala. Walaupun pada ketika itu banyak yang menolak agama Islam, tetapi Rasulullah SAW tetap gigih dalam berdakwah. Dakwah secara sembunyi-sembunyi yang dilakukan Rasulullah SAW telah berjaya membawa beberapa orang memeluk agama Islam yang lebih terkenal dengan *al-Sabiqun al-Awwalun*, antaranya Khadijah binti Khuwailid, 'Ali bin Abi Talib, Abu Bakar, Usman bin 'Affan, 'Abd Rahman bin 'Auf dan Zaid bin Harisah. Inilah antara generasi sahabat yang agung dalam sejarah Islam seperti yang disebut oleh As-Syahid Qutb sebagai "Generasi Al-Quran Yang Unik" dalam kitabnya *Ma'alim Fi Tareeq* atau Petunjuk Sepanjang Jalan.

Rasulullah SAW yang sudah dikenali sebagai insan berperibadi mulia maka kaum Quraisy dengan

senang hati memeluk Islam tanpa takut kepada halangan dan cabaran yang bakal dihadapi. Semakin hari semakin banyak kaum Quraisy yang memeluk Islam termasuk para hartawan berpengaruh juga telah memeluk Islam. Mereka telah mendapat didikan Rasulullah SAW dan yakin dengan janji Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah Al-Nahl ayat 41 yang bermaksud:

*"Dan orang-orang yang berhijrah kerana Allah, sesudah mereka dianiaya (ditindas oleh musuh-musuh Islam), Kami akan menempatkan mereka di dunia ini pada tempatnya yang baik; dan sesungguhnya pahala (amal mereka yang baik itu) lebih besar di akhirat kelak, kalaulah mereka mengetahui."*

Walaubagaimanapun, kemuncak kebencian kafir Quraisy kepada Rasulullah SAW tidak dapat dikawal lagi dan akhirnya membuat keputusan untuk membunuh Rasulullah SAW. Namun Allah telah mewahyukan kepada Rasulullah SAW dan pada malam itu juga Rasulullah SAW dan Saidina Abu Bakar as-Siddiq berhijrah dari Makkah ke Madinah. Dalam penghijrahan ini, Rasulullah SAW dan Saidina Abu Bakar as-Siddiq telah melalui sebuah perjalanan yang sangat mencabar dan penuh dengan halangan. Namun akhirnya Rasulullah SAW dan Saidina Abu Bakar telah berjaya sampai ke Yathrib (Madinah) dengan izin Allah SWT.

Kehebatan Baginda SAW melaksanakan strategi dakwah yang efektif dan berterusan ini telah menatijahkan kejayaan dalam membentuk sebuah negara Islam yang kukuh dan utuh di bumi Madinah. Kegigihan Rasulullah SAW dalam berdakwah juga telah menyebabkan Islam tersebar ke seluruh dunia oleh para sahabat. Para sahabat adalah wira dakwah yang telah menjalani tarbiah mantap di bawah bimbingan Rasulullah SAW.

Justeru, Al-Quran telah menegaskan bahawa Rasulullah SAW merupakan rahmat kepada seluruh umat manusia. Firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya' ayat 107 yang bermaksud:

*"Dan tidaklah kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad,) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."*

Ini adalah jaminan Allah SWT kepada umat manusia bahawa baginda Nabi Muhammad SAW adalah rahmat kepada seluruh umat manusia merentasi kaum, bangsa, keturunan dan sempadan geografi negara. Ini ternyata benar apabila Islam yang menerajui tampuk pemerintahan sesebuah negara, maka kebaikannya akan turut dirasai dan dinikmati oleh golongan bukan Islam.

# Kelebihan Berselawat



**Nor Dalilah binti Zakaria**  
Pegawai Hal Ehwal Islam  
Bahagian Dakwah, JAKIM

Nabi Muhammad SAW merupakan insan terpilih anugerah terbesar kepada kita sebagai umat Baginda SAW. Kurniaan Allah SWT kepada kita sebagai hamba-Nya yang perlu disyukuri adalah nikmat iman dan Islam yang dikecapi melalui contoh tauladan yang dibawa oleh junjungan Nabi SAW sebagai utusan-Nya. Setiap sesuatu yang berkait dengan Baginda merupakan sunnah yang perlu diikuti dan menjadi ibadah serta dikurniakan ganjaran kebaikan oleh Allah SWT apabila dilaksanakan. Di dalam al-Quran, perintah mentaati Allah dan Rasul bergandingan seiring sama ada sebagai asas kewajipan sesuatu hukum yang perlu ditaati ataupun sebagai galakan yang wajar dipatuhi untuk kemaslahatan para hamba-Nya.

Di dalam al-Quran, perintah agar berselawat ke atas Baginda SAW telah dirakamkan di dalam ayat 56, surah al-Ahzab sebagaimana firman-Nya:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ  
ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

**Terjemahan:** Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.

Setiap perintah yang disyariatkan, pasti ada kemaslahatan dan kebaikannya apabila dipatuhi dengan sebaiknya. Selawat ke atas Nabi SAW adalah satu ibadah yang sangat dituntut dan menjadi salah satu rukun di dalam ibadah solat. Tuntutan memperbanyakkan ucapan selawat ke atas Baginda SAW dengan pelbagai ganjaran kebaikan banyak termaktub di dalam hadis serta menjadi perbincangan ulama sepanjang zaman. Kepelbagaian nama dan lafaz selawat menjadi lambang kehebatan dan kesempurnaan Baginda SAW sebagai

kekasih Allah yakni penutup para Nabi dan Rasul. Sebagai umat Nabi SAW yang terpilih, mengenali dan mengasihi Baginda SAW menjadi satu kewajipan yang termasuk di dalam tuntutan memahami dan menghayati ilmu fardu ain.

Memperbanyakkan berselawat ke atas Baginda SAW adalah antara cara kita kekal mengingati dan mengasihi Baginda. Pelbagai penulisan dan perkongsian ilmu melalui media sosial yang mudah didapati kini berkaitan kelebihan berselawat. Oleh yang demikian, penulisan ringkas ini akan memfokuskan kelebihan berselawat bagi memperoleh syafaat Baginda SAW. Ini kerana syafaat Nabi Muhammad SAW merupakan serlahan bagi kedudukan Baginda di sisi Tuhannya dan kepentingan Baginda SAW yang amat besar kepada umat sama ada di dunia juga di akhirat.

Menurut al-Qadhi Yusuf Ibn Ismail al-Nabhani, antara amalan-amalan yang membolehkan mendapat Syafaat Nabi SAW adalah mengucapkan selawat ke atas Rasulullah SAW. Hadis diriwayatkan oleh al-Suyuti di dalam al-Jami' al-Soghair, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

من صلى علي حين يصبح عشرا وحين يمسي عشرا  
أدركته شفاعتي يوم القيامة

**Terjemahan:** Sesiapa yang berselawat ke atas saya pada waktu pagi sebanyak sepuluh kali dan pada waktu petang sebanyak sepuluh kali, nescaya dia akan memperoleh yafaatku pada hari kiamat kelak.

Daripada Abu Bakar al-Siddiq berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

من صلى علي كنت له شفيعا يوم القيامة

**Terjemahan:** Barangsiapa berselawat ke atas saya, maka sayalah pemberi Syafaat baginya pada Hari Kiamat kelak.

Daripada Ruwaifa' Ibn Thabit al-Ansari berkata, Rasulullah SAW bersabda:

من قال: اللهم صل على محمد وأنزله المقعد المقرب  
عندك يوم القيامة، وجبت له شفاعتي

*"Barangsiapa yang mengucapkan selawat: Ya Allah, limpahkan rahmah ke atas Muhammad dan tempatkan Baginda SAW pada kedudukan yang hampir di sisi-Mu pada hari kiamat, nescaya wajiblah baginya syafaatku."*

Pengertian syafaat di sisi Jumhur ulama ialah permohonan atau permintaan kebaikan bagi orang lain daripada orang yang lebih rendah kedudukannya kepada orang yang lebih tinggi kedudukannya. Antara bentuk-bentuk kebaikan ialah permohonan untuk menolak kemudaratan dan keburukan daripadanya serta permohonan atau permintaan bagi menghapuskan dosa-dosa dan kejahatan-kejahatan yang telah dilakukan. Hakikatnya, pemilik syafaat adalah Allah SWT kerana Allah SWT sahaja yang mampu memberikan kebaikan, menolak kemudaratan dan keburukan serta menghapuskan dosa-dosa para hamba-Nya dengan rahmat-Nya Yang Maha Luas berdasarkan firman Allah SWT di dalam surah al-Zumar, ayat 44:

قُلْ لِلَّهِ الشَّفَعَةُ جَمِيعًا لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ  
ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

**Terjemahan:** *Katakanlah (Wahai Muhammad): Syafaat itu semuanya hak kepunyaan Allah; Dialah Yang Menguasai segala urusan langit dan bumi; kemudian kamu akan dikembalikan kepada-Nya (untuk menerima balasan).*

Namun demikian, Allah SWT memberikan keistimewaan kepada hamba-Nya yang terpilih dan diizinkan untuk memberikan syafaat. Allah SWT berfirman mengenainya:

وَلَا تَنْفَعُ الشَّفَعَةُ عِنْدَهُ إِلَّا لِمَنْ أَذِنَ لَهُ

**Terjemahan:** *Dan tidak berfaedah syafaat di sisi Allah kecuali bagi orang yang telah diizinkan Allah. (Surah al-Saba':23)*

Firman Allah SWT lagi:

يَوْمَئِذٍ لَا تَنْفَعُ الشَّفَعَةُ إِلَّا مَنْ أَذِنَ لَهُ الرَّحْمَنُ  
وَرَضِيَ لَهُ قَوْلًا

**Terjemahan:** *Pada hari itu, tidak berfaedah syafaat (dari dan kepada sesiapaupun) kecuali dari orang yang diizinkan oleh Allah yang melimpah-limpah rahmat-Nya dan kepada orang yang diredai perkataannya. (Surah Taha:109)*

Ayat-ayat ini menjelaskan bahawa Baginda SAW adalah antara hamba Allah SWT yang diizinkan untuk memberi syafaat pada hari kiamat kelak. Keistimewaan kita sebagai umat Baginda SAW perlu dimanfaatkan dengan sebaiknya. Pentarbiyahan dan didikan yang diterima Nabi Muhammad SAW adalah daripada Allah SWT secara terus merupakan antara keistimewaan yang melengkapkan kesempurnaan Baginda SAW berbanding makhluk yang lain. Oleh yang demikian, kita perlu mengenali Baginda SAW dengan sebaik mungkin bagi menggapai rasa cinta dan kasih yang sejati kepada junjungan besar Rasulullah SAW. Apabila perasaan kasih ini berputik di hati para hamba-Nya, maka usaha mengaplikasi dan melaksana sebanyak mungkin sunnah Baginda SAW sebagai inspirasi kehidupan akan dapat kita dilaksanakan.

Selawat merupakan manifestasi kecintaan dan penghargaan kita ke atas jasa, perjuangan dan pengorbanan Baginda SAW yang tidak ternilai dalam menyampaikan syariat Allah SWT kepada seluruh umatnya. Kunci utama untuk menjadikan Baginda SAW sebagai sumber inspirasi adalah bermula daripada ilmu dan pengetahuan yang mendalam terhadap Baginda SAW. Bahkan hakikat untuk mengenali dan mengasihi Baginda SAW merupakan satu kewajipan, maka sewajarnya kita perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari gali ilmu berkaitan Baginda SAW. Mulakan dengan memperbanyakkan berselawat ke atas Baginda SAW dan menjadikan selawat sebagai zikir harian yang wajib dilaksanakan bagi menggapai pelbagai kebaikan di dunia dan akhirat.

# Mukjizat-Mukjizat Nabi SAW



**Dr. Khairul Anwar Mustaffa**  
Pensyarah Kanan UiTM,  
Shah Alam

**M**ukjizat adalah suatu perkara luar biasa yang berlaku kepada Nabi dan Rasul. Malah, menurut Imam al-Sowi dalam syarahannya ke atas Jawharah al-Tauhid, mukjizat adalah perkara yang bercanggah dengan hukum adat yang disertakan dengan dakwah kenabian dan tiada yang dapat menandinginya.

Menerusi Kitab *Nur al-'Uyun fi Talkhish Sirah al-Amin al-Makmun SAW* dinyatakan banyak mukjizat yang dikurniakan kepada Baginda Nabi SAW. Di antaranya seperti berikut:

1. Al-Quran yang merupakan mukjizat terbesar yang dikurniakan kepada Nabi SAW.
2. Peristiwa pembelahan dada Baginda Nabi SAW.
3. Peristiwa terbelahnya bulan.
4. Hilang pandangan musuh ketika mereka mengepung Baginda Nabi SAW ketika peristiwa Hijrah.
5. Labah-labah membina sarang ketika Nabi SAW bersembunyi di gua thaur.
6. Kuda tunggangan Suraqah terbenam dalam pasir ketika berusaha hendak membunuh Nabi SAW.
7. Kisah kambing Ummu Ma'bad yang mengeluarkan susu sungguhpun pada asalnya mustahil boleh berlaku sedemikian.
8. Mustajabnya doa Nabi SAW terhadap Saidina Umar al-Kattab bahawa Allah akan memuliakan Islam dengan keislamannya.
9. Mustajabnya doa Baginda SAW terhadap Saidina Ali untuk dijauhkan musibah panas dan sejuk.
10. Saidina Ali sembuh daripada kesakitan mata yang dialami dengan ludahan Baginda SAW.
11. Qatadah bin Nukman dikembalikan mata yang jatuh ke pipinya.
12. Abdullah Ibn Abbas menjadi alim dan faqih berkat doa Baginda Nabi SAW.
13. Unta Jabir menjadi pemenang dalam pertandingan.
14. Saidina Anas dikurniakan umur yang panjang, berharta dan mempunyai anak yang ramai berkat doa Baginda Nabi SAW.
15. Buah tamar yang dimiliki oleh Saidina Jabir RA menjadi cukup untuk membayar hutangnya.
16. Penurunan hujan sehingga seminggu di Madinah dengan doa Nabi SAW.
17. Utbah bin Abi Lahab dibaham singa ketika berada di daerah Zarqa' di Syam.
18. Pokok akur di atas permintaan menjadi saksi keislaman yang berlaku dalam suatu peristiwa.
19. Pokok dan batu memberi salam kepada Nabi SAW.
20. Batang tamar menangis kepada Baginda SAW dalam satu peristiwa.
21. Batu kerikil bertasbih ketika berada dalam tangan baginda SAW.
22. Suatu makanan yang dihidangkan kepada Nabi SAW memberitahu Baginda Nabi SAW tentang racun yang dimasukkan ke dalamnya.
23. Seekor unta mengadu kepada Nabi tentang tugas yang tidak sepatutnya diberikan oleh tuannya.
24. Peristiwa dua ekor kijang memohon bantuan Baginda untuk meleraikan ikatan



25. Perkhabaran Baginda Nabi SAW tentang kematian beberapa orang musyrikin Makkah ketika perang.
26. Kejadian yang benar-benar berlaku tentang Ummu Haram Binti Milhan.
27. Perkhabaran tentang musibah berat yang diterima Saidina Uthman Ibn Affan RA.
28. Perkhabaran tentang golongan Ansar setelah ketiadaan baginda Nabi SAW
29. Perkhabaran tentang Saidina Hassan cucu baginda Nabi SAW yang menjadi pendamai di antara dua pihak yang berbalah.
30. Perkhabaran tentang pembunuhan Al-Ansi Al-Kadhab yang berada di Sana'a.
31. Perakuan benar tentang Thabit bin Qais yang mati syahid.
32. Kisah benar yang berlaku ke atas seorang murtad yang kematiannya tidak diterima bumi.
33. Kisah seorang yang ditegur oleh Nabi SAW, tetapi tidak mengendahkan teguran yang diberikan, mendapat balasan segera.
34. Kisah kemusnahan berhala ketika Nabi SAW memasuki Makkah, dengan tongkat Qadib yang ditunjukkan kepada berhala, satu persatu berhala jatuh.
35. Dab (padang pasir) menyaksikan kenabian Nabi SAW.
36. Makanan segantang barli mencukupkan 1000 orang ketika peperangan Khandaq.
37. Lebihan makanan yang dikumpulkan Nabi SAW ketika peperangan Khandaq dapat mengenyangkan tentera yang terlibat.
38. Tamar yang diberikan oleh Abu Hurairah kepada Nabi SAW, didoakan keberkatan oleh Baginda Nabi SAW sehingga memberi manfaat yang banyak kepada orang lain.
39. Makanan sedulang tharid (roti yang dikoyak dan dituangkan ke atasnya sup) dimakan kenyang oleh jumlah yang ramai.
40. Pancaran air melalui jari Nabi SAW telah menyebabkan 1,400 orang dapat minum dan berwudu'.
41. Bekas air yang menggunakan jari Nabi SAW telah menyebabkan air di dalamnya digunakan untuk berwuduk untuk 70-80 orang.
42. Pancaran air yang keluar dengan banyaknya hanya dengan menggunakan panah yang dicucukkan ke tanah oleh Rasulullah SAW ketika peperangan Tabuk. Air tersebut telah menghilangkan dahaga lebih 30,000 orang.
43. Ludahan Rasulullah SAW ke dalam perigi yang masin, menyebabkan terpancar air tawar darinya.
44. Sapuan tangan Nabi SAW ke atas kepala seorang bayi yang sakit yang menyebabkan kepalanya botak, menyebabkan tumbuhnya rambut dan hilang sakit yang dialami.
45. Sebilah pedang Rasulullah SAW yang bernama Ukasyah telah patah, apabila diberikan sebatang kayu, ia bertukar menjadi pedang.
46. Dalam peperangan Khandaq, sebuah batu besar yang keras telah dilembutkan melalui pukulan Rasulullah SAW yang bertukar menjadi timbunan pasir yang halus.
47. Usapan Nabi SAW ke atas kaki Abu Rafi' yang patah, menjadi sembuh serta merta.

Inilah di antara sebahagian mukjizat yang dinyatakan dalam Kitab ini yang wajar dibaca dan diketahui oleh kita semua. Selain itu, terdapat juga kitab lain seperti *Hujjatullah 'ala al-'Alamin fi Mu'jizat Sayyidi al-Mursalin* karya al-Imam Yusuf al-Nabhani yang banyak menyentuh mukjizat Nabi SAW yang wajar dijadikan bahan bacaan dan rujukan.

Justeru, dapatlah disimpulkan di sini bahawa mukjizat selain merupakan anugerah kepada Rasul-Nya yang dipilih, ia juga membuktikan kebesaran Allah SWT dan tanda kebenaran ajaran yang disampaikan oleh Baginda Nabi SAW. Selain mengukuhkan dakwah yang disampaikan, ia juga mencabar golongan kufur dan bathil supaya kembali kepada kebenaran.<sup>26</sup> Kejadian yang benar-benar berlaku tentang Ummu Haram Binti Milhan.

# STRATEGI RASULULLAH DALAM MEMBANGUNKAN EKONOMI UMMAH



**Dr. Nurulashiqin Mahmud Zuhudi**  
Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Dasar Kemajuan Islam, JAKIM

Nabi Muhammad SAW merupakan utusan Allah SWT yang dipandukan dengan al-Quran sebagai landasan dalam melaksanakan segala perintah-NYA. Hal ini termasuk pelaksanaan aktiviti ekonomi dalam usaha Baginda meningkatkan taraf hidup masyarakat pada masa kepimpinannya. Baginda telah memperkenalkan banyak strategi ekonomi sebagai pendekatan bersepadu demi kemaslahatan ummah pada masa tersebut dan ia diteruskan oleh para sahabat malah berkembang dengan pesat sehingga ke hari ini<sup>1</sup>. Strategi-strategi dari aspek ekonomi yang ditonjolkan dan dilaksanakan oleh Rasulullah SAW boleh dibahagikan kepada dua fasa sebagaimana berikut:


## i. Fasa sebelum kenabian Rasulullah SAW

Dilahirkan Nabi Muhammad SAW di bumi Mekah al-Mukarramah dalam kalangan suku Quraisy yang terkenal dan dihormati serta merupakan golongan terkaya yang memiliki barang dagangan yang banyak antara kabilah suku Arab pada masa tersebut<sup>2</sup>. Pekerjaan awal sebagai pengembala kambing dan kemudiannya menjadi orang kepercayaan Saidatina Khadijah dalam segala urusan perniagaannya. Atas dasar keperibadian mulia dan kebijaksanaan Baginda dalam melaksanakan urusan perdagangan yang diamanahkan menggunakan konsep *muqaradah* atau *mudharabah*<sup>3</sup>, mendorong Saidatina Khadijah meminang Baginda untuk dijadikan suaminya. Antara strategi yang digunakan Baginda semasa menjalankan urusan perniagaan adalah berteraskan prinsip jujur, amanah, menepati janji, sopan santun dan seumpamanya sehingga digelar sebagai *al-amin*<sup>4</sup>. Baginda juga amat

<sup>1</sup> Zaqiroatul Maghfiroh, Siti Aminah Caniogo, 2020. "Pemikiran Ekonomi Islam Pada Masa Peradaban Rosulullah Saw." Wacana Equilibrium: Jurnal Pemikiran & Penelitian Ekonomi 8 (2): 113-120. Accessed September 2023. <https://journal.uim.ac.id/index.php/equilibrium/article/download/962/642/>.

<sup>2</sup> Saifullah, Edyson. 2016. "Pembangunan Ekonomi Pada Masa Pemerintahan Rasulullah SAW." ISLAMIC BANKING 2 (1): 77-88. Accessed September 2023. doi: <https://doi.org/10.36908/isbank.v1i2.26>.

<sup>3</sup> Akad mudarabah merupakan suatu cara mengurus perniagaan di mana salah satu pihak yang berkontrak memberikan bekalan modal kepada pihak yang mahir dalam hal urusan perniagaan, supaya dikelola dan dikembangkan, sehingga ianya boleh mendatangkan keuntungan yang akan dibahagikan kepada kedua pihak yang berkontrak, sesuai dengan kesepakatan Bersama. Dalam K.Taufiq, 2014. Bab II Konsep Dan Dasar Akad Mudarabah. [http://studentsrepo.um.edu.my/5055/7/Bab\\_II.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5055/7/Bab_II.pdf).



komited dalam pekerjaan, pandai berdiplomasi dalam interaksi dengan pelanggan, kefasihan dalam komunikasi, tidak mengambil keuntungan yang banyak atau terlalu meletakkan harga yang tinggi pada barang dagangan, tidak terlalu lama dalam urusan tawar-menawar, bersegera dalam menyelesaikan urusan perniagaan dan ikhlas dalam urusannya sehingga mampu menghasilkan keuntungan besar dalam urusan perdagangannya<sup>5</sup>. Prinsip dan pendekatan yang digunakan oleh Baginda dalam setiap urusan perdagangan merupakan strategi yang terbaik dan bersepadu serta perlu dicontohi oleh seluruh ummat Islam bagi memastikan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

## ii. Fasa selepas kenabian Rasulullah SAW

Peristiwa hijrah Rasulullah SAW ke Kota Madinah membawa seribu hikmah kepada umat Islam sehingga ke hari ini. Antaranya adalah perkembangan positif dari aspek ekonomi, Islam sebagai agama yang *syumul* telah menghubungkan kesemua elemen kehidupan dalam mencapai kesejahteraan hidup umat-NYA. Berpandukan perintah Allah SWT, Rasulullah SAW menggariskan dan menetapkan prinsip mahupun dasar-dasar tertentu sebagai landasan dalam mengembangkan ekonomi di kota Madinah.

Menyelusuri sejarah penghijran Baginda ke kota Madinah menyaksikan bahawa masyarakat Madinah pada masa tersebut tidak mempunyai pemimpin dan berpuak-puak yang memudahkan penerimaan Rasulullah SAW sebagai pemimpin pada masa tersebut<sup>6</sup>. Antara strategi yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat Madinah berteraskan ajaran Islam adalah dengan membuat penambahbaikan terhadap sistem sosial masyarakat<sup>7</sup> terlebih dahulu disusuli dengan perkembangan positif dari aspek ekonomi secara tidak langsung. Antara strategi sosial yang dibentuk oleh Rasulullah SAW adalah:

<sup>4</sup> Heriyansyah. 2018. "Perjalanan Bisnis Nabi Muhammad S.A.W." *Ad-Deenar : Jurnal Ekonomi dan Bisnes Islam* 190-205. Accessed September 2023. <https://jurnal.staialhidayahbogor.ac.id/index.php/ad/article/download/356/295>.

<sup>5</sup> Ibid

<sup>6</sup> Dewi Jayanti. 2021. "Analisis Sejarah Ekonomi Islam Pada Masa Rasulullah Dan Khulafah Al-Rasyidin." *Al-Bayan: Jurnal Hukum dan Ekonomi Islam* 1 (1). Accessed September 2023. <https://jurnal.stainwsamawa.ac.id/index.php/al-bayan/article/view/6>.

<sup>7</sup> Sri Anafarhanah. 2015. "Peranan Ekonomi Islam dalam Dakwah Nabi." *Alhadharah Jurnal Ilmu Dakwah* 14 (28). Accessed September 2023. <https://jurnal.uin-antasari.ac.id/index.php/alhadharah/article/download/1230/938>



- a) Membangun masjid sebagai pusat pentadbiran setempat.
- b) Menyatukan kaum Muhajirin dengan Ansar sebagai langkah pendamaian.
- c) Mewujudkan kedamaian di kota Madinah.
- d) Mewujudkan dasar-dasar berkaitan hak dan tanggungjawab penduduk setempat.
- e) Mewujudkan dasar pentadbiran di kota Madinah.
- f) Mewujudkan dasar-dasar kewangan negara.

Strategi yang dibentuk ini secara tidak langsung menghapuskan sebahagian besar tradisi dan amalan masyarakat *jahilliyyah* yang secara nyata bertentangan dengan ajaran Islam. Kestabilan yang terbina hasil strategi sosial ini telah memberikan impak positif kepada perkembangan ekonomi masyarakat kota Madinah pada masa tersebut. Baginda turut membentuk dan melaksanakan strategi-strategi ekonomi<sup>8</sup> demi kemaslahatan ummah, antaranya adalah:

- a) Menjadikan pasar sebagai mekanisme utama mahupun pusat setempat (*center point*) dalam melaksanakan sebarang bentuk perniagaan<sup>9</sup>.
- b) Menubuhkan *Baitul Mal* yang terletak di Masjid Nabawi sebagai pusat pengumpulan dan pengagihan dana negara.
- c) Penggunaan mata wang dinar dan dirham tanpa mengaplikasi konsep bunga mahupun faedah.
- d) Menetapkan dasar pelaksanaan aktiviti ekonomi berpandukan muamalat Islam dengan mengamalkan elemen kejujuran, keadilan, ketepatan timbangan, larangan sistem riba mahupun *gharar* dan larangan monopoli.
- e) Menggalakkan kegiatan ekonomi kepada sektor pertanian.
- f) Menggalakkan kemahiran pertukangan terutamanya peralatan perang.
- g) Melaksanakan sistem *kharaj* iaitu sistem pajakan tanah berdasarkan tiga ciri iaitu tahap kesuburan tanah, jenis tanaman yang boleh diusahakan dan bentuk pengairan bagi tujuan kesuburan<sup>10</sup>.

<sup>8</sup> Ibnudin. 2019. "Pemikiran Ekonomi Islam Pada Masa Nabi Muhammad." *Jurnal Pendidikan dan Studi Islam* 5 (1): 51-61. Accessed September 2023. doi:10.5281/zenodo.3551174.

<sup>9</sup> Ibnudin. 2019. "Pemikiran Ekonomi Islam Pada Masa Nabi Muhammad." *Jurnal Pendidikan dan Studi Islam* 5 (1): 51-61. Accessed September 2023. doi:10.5281/zenodo.3551174.

<sup>10</sup> Zaqirotul Maghfiroh, Siti Aminah Caniogo, 2020. "Pemikiran Ekonomi Islam Pada Masa Peradaban Rosulullah Saw." *Wacana Equilibrium: Jurnal Pemikiran & Penelitian Ekonomi* 8 (2): 113-120. Accessed September 2023. <https://journal.uim.ac.id/index.php/equilibrium/article/download/962/642/>



- h) Memperkenalkan zakat dalam bentuk dinar dan dirham, hasil perternakan dan pertanian. Ia diwajibkan sepenuhnya pada tahun kesembilan hijri<sup>11</sup>.
- i) Memperkenalkan sistem *jizyah* iaitu pajakan yang dikenakan terhadap orang bukan Islam khususnya ahli kitab sebagai jaminan perlindungan jiwa, harta atau kekayaan dan perlindungan ibadah<sup>12</sup>.
- j) Memperkenalkan sistem pembahagian bagi harta rampasan perang (*ghanimah*) pada tahun kedua hijri sejajar dengan perintah Allah melalui surah al-Anfal<sup>13</sup>.
- k) Mewajibkan sedekah fitrah bagi bulan Ramadan pada tahun kedua hijri<sup>14</sup>.
- l) Memperkenalkan perolehan dana negara melalui harta *fai* dan harta *waqaf* dari Banu Nadir yang merupakan salah satu suku yang tinggal di pinggir Madinah pada tahun keempat hijri<sup>15</sup>.
- m) Memperkenalkan sistem *kharaj* pada tahun ketujuh hijri. Ia merupakan sistem pajakan tanah yang dipungut daripada orang bukan Islam ketika penaklukan *Khaibar*.<sup>16</sup>

Strategi-strategi yang diperkenalkan oleh Rasulullah SAW ini merupakan asas kepada pembangunan ekonomi masyarakat Madinah pada masa kepimpinan Baginda. Sekaligus, ia memberikan impak positif berpanjangan kepada masyarakat Arab yang terkenal dengan sektor perdagangan di bumi Mekah dan Madinah pada hari ini. Malah, strategi-strategi ini juga merupakan titik tolak kepada pengembangan ilmu ekonomi Islam itu sendiri. Wallahualam.

<sup>11</sup> Ibid

<sup>12</sup> Ibid

<sup>13</sup> Ibid

<sup>14</sup> Ibid

<sup>15</sup> Ibid

<sup>16</sup> Ibid

# KOMUNIKASI GAYA RASULULLAH SAW



**Majidah binti Mat Jusoh**

Penolong Pengarah Kanan  
Bahagian Dasar Kemajuan Islam, JAKIM

**B**aginda Junjungan Besar, Nabi Muhammad SAW diutuskan untuk membawa Islam sebagai agama atau sistem kehidupan yang lengkap (*syumul*) ajarannya merangkumi segenap aspek kehidupan manusia. Islam tidak hanya berbicara tentang dimensi akhirat samatamata, malah turut membincangkan persoalan keduniaan yang memacu manusia ke arah kebaikan, sekaligus menjadikan Islam sebagai agama *rahmatan lil a'lamin*. Dalam pada itu, Baginda Rasulullah SAW bukan hanya sekadar menjadi utusan pembawa wahyu, namun diri Baginda sendiri dipilih oleh Allah SWT untuk menyempurnakan akhlak dan menjadi suri tauladan terbaik untuk umat manusia. Allah SWT dengan jelas menerangkan hal ini dalam firman-Nya melalui surah al-Ahzab ayat 21 yang bermaksud:

*"Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaa) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)."*

Dalam misi menyempurnakan akhlak umat, terserlah keagungan akhlak Rasulullah SAW yang jelas terbukti apabila dipuji oleh Allah SWT dalam surah al-Qalam ayat 4:

*"Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia."*

Kesempurnaan akhlak Rasulullah SAW dapat dilihat dengan ketara melalui perilaku Baginda dalam sebesar-besar urusan kehidupan sehinggalah sekecil-kecil perkara termasuklah cara Baginda berkomunikasi. Stanley Lane Poole, pakar sejarah terkenal di Barat melalui buku beliau berjudul, *'The Speeches and Table Talk of Prophet Muhammad'* turut mengagumi akhlak Baginda dalam berkomunikasi dengan mengatakan, *"Terhimpun pada dirinya sifat lemah lembut dan gagah berani sehingga seseorang yang cuba menilainya akhirnya mengagumi dan mengasihinya."*

Pendekatan komunikasi Rasulullah SAW dalam menyebarkan ajaran Islam telah dikaji dan dibincangkan oleh pelbagai pihak. Melalui perbincangan dan penulisan yang dihasilkan mendapati kaedah komunikasi Baginda merupakan yang terbaik dapat diteladani. Dalam konteks menyampaikan mesej, interaksi komunikasi Baginda amat berstrategi bukan sekadar dari sudut tujuan dan niat pertuturan itu diucapkan, malah tahap pemikiran pendengar juga turut diambil perhatian. Buktinya Rasulullah SAW pernah bersabda, *"Berbicaralah kepada manusia menurut kadar kemampuan akal mereka masing-masing."* (Riwayat Muslim). Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui perbezaan bentuk dan strategi interaksi Rasulullah SAW dengan golongan Badwi, Ansar



dan Muhajirin. Ketiga-tiga golongan ini memiliki latar belakang dan ciri-ciri yang amat berbeza antara satu sama lain.

Golongan Badwi umpamanya, yang mengamalkan gaya hidup hedonistik, tidak mempercayai keesaan Tuhan dan hari akhirat, selain cara hidup mereka yang nomad membuatkan mereka dilihat sebagai golongan yang tidak mempunyai pengetahuan tentang Islam atau paling sedikit minat dan pengetahuan terhadap ajaran Islam berbanding golongan Ansar dan Muhajirin. Sebab itulah, dalam memastikan komunikasi yang berkesan dengan golongan ini, Rasulullah SAW banyak berkomunikasi dalam bentuk arahan dan kiasan atau pernyataan secara tidak langsung menggunakan strategi kesopanan (*Politeness Strategy*) yang diucapkan dalam bentuk metafora, analogi dan soalan bagi memenangi hati mereka. Mengambil kira latar belakang golongan ini juga, Rasulullah SAW menyampaikan ajaran asas berkaitan Islam kepada mereka secara tidak memaksa, jelas dan ringkas.

Berbeza dengan golongan Ansar yang merupakan penduduk tetap kota Madinah dan telah bersumpah setia kepada Rasulullah SAW untuk menerima ajaran Islam, hidup berlandaskan undang-undang Islam serta tidak akan menyekutukan Allah SWT. Komunikasi Rasulullah SAW dengan golongan yang baru memeluk agama Islam ini dilihat berbentuk prosedural, ekspresif dan lebih terperinci. Bentuk komunikasi sebegini lebih sesuai dengan golongan Ansar kerana dapat membantu mereka dalam memahami ajaran Islam dengan lebih jelas.

Manakala, golongan Muhajirin terdiri daripada keluarga dan para sahabat yang bersama dengan Baginda sejak mula menerima wahyu dan menjadi golongan terawal yang memeluk Islam seterusnya berhijrah bersama-sama Baginda ke Kota Madinah bagi menegakkan agama Allah SWT. Perbezaan yang jelas dapat dilihat dalam pendekatan komunikasi Rasulullah SAW dengan golongan ini kerana mereka lebih rapat dengan Baginda berbanding golongan Badwi dan Ansar. Rasulullah SAW tidak perlu berkomunikasi secara berlapak atau kiasan dengan mereka. Baginda menggunakan ketegasan melalui perintah berbentuk arahan dan larangan, pendekatan ekspresif dan juga direktif berbentuk permintaan dan nasihat dengan golongan ini.

Dalam berkomunikasi dengan mereka, Baginda juga lebih ekspresif dan mudah menzahirkan emosi sama ada sedih, gembira, kecewa atau marah. Teguran Baginda juga lebih jelas dan terbuka, bersifat secara langsung dan berbentuk arahan kerana Baginda tahu tahap penerimaan, pemahaman dan keimanan mereka terhadap Islam tetap teguh dan tidak berbelah bahagi.

Justeru dalam senario pada hari ini, adab dan strategi Rasulullah SAW dalam berkomunikasi dilihat amat sesuai dimanifestasikan dalam pendekatan dakwah kontemporari mahupun kehidupan seharian. Gaya dan teknik penyampaian yang diaplikasikan oleh Baginda dengan penuh hikmah dan bijaksana mampu mewujudkan keharmonian dan kedamaian serta relevan menjangkau masa dan zaman.



# Wakaf Sejuta Al-Quran

# RM38/ SENASKAH

Akaun Bank Islam Malaysia Berhad  
(Yayasan Waqaf Malaysia)

**16018010019680**

Sebanyak 5% atau apa-apa jumlah % daripada sumbangan adalah caj pengurusan kepada YWM seperti dipersetujui oleh Jawatankuasa Syariah YWM. Bagi mendapatkan resit rasmi, sila hantar slip sumbangan ke alamat emel: info@ywm.gov.my / WhatsApp: 019-2007481

[www.ywm.gov.my](http://www.ywm.gov.my)      Yayasan Waqaf Malaysia

## PELUANG BERIBADAH MELALUI KEMPEN SOLIDARITI SEJUTA AL-QURAN

**Firman Allah SWT melalui Surah Ali Imran, ayat 2 yang bermaksud:**

"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya."

- Kempen ini adalah suatu inisiatif mengajak orang ramai untuk mewakafkan nilai berjumlah RM38.00 bagi senaskhah al-Quran

sebagai tindak balas penuh hikmah Kerajaan terhadap tragedi pembakaran al-Quran di Sweden

- Inisiatif ini adalah selari dengan pengumuman YAB Perdana Menteri untuk mencetak sejuta naskhah al-Quran bertujuan diedarkan ke seluruh dunia
- Jom kita sama-sama berwakaf! Jangan lepaskan peluang anda untuk beroleh & menyebarkan manfaat kebaikan melalui kempen ini seluasnya ke seluruh alam Barakallahufikum